

- 1 Pernyataan yang manakah betul tentang faktor pengeluaran?
- A Tanah merupakan sumber yang penawarannya tidak terhad
 - B Modal merupakan alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti tinggi
 - C Usahawan adalah individu yang menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
 - D Buruh merupakan individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- 2 Jadual berikut menunjukkan kemungkinan pengeluaran bagi barang perkilangan dan barang pertanian dalam sebuah ekonomi.

Kombinasi	A	B	C	D	E
Barang perkilangan (unit)	0	1	2	3	4
Barang pertanian(unit)	37	30	25	10	0

Berapakah kos lepas apabila kombinasi pengeluaran bertukar daripada C ke D?


- A 1 unit barang perkilangan
 - B 3 unit barang perkilangan
 - C 10 unit barang pertanian
 - D 15 unit barang pertanian
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat AQ.

Syarikat AQ akan mengeluarkan permainan kanak-kanak sempena musim perayaan yang akan tiba pada bulan Disember nanti. Syarikat AQ telah menambah 10 orang pekerja dalam operasi pengeluarannya memandangkan permintaan yang tinggi menjelang musim tersebut.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh Syarikat AQ?


- A Apa yang hendak dikeluarkan
 - B Bagaimana hendak dikeluarkan
 - C Untuk siapa hendak dikeluarkan
 - D Berapa yang hendak dikeluarkan
- 4 Pilih pernyataan yang betul tentang sistem ekonomi pasaran bebas.
- A Pilihan pengguna terbatas
 - B Harga ditentukan oleh kuasa pasaran
 - C Persaingan wujud antara firma tetapi dikawal kerajaan
 - D Motif pengeluaran adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat

- 5 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Situasi yang manakah menyebabkan berlaku peralihan keluk daripada D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Kadar cukai pendapatan menurun
 - B Penurunan harga barang pengganti
 - C Kuantiti bantuan sara hidup oleh kerajaan naik
 - D Jangkaan harga barang naik pada masa depan
- 6 Rajah berikut berkaitan dengan penawaran mesin basuh jenama A.



Apakah penentu yang menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A Teknologi moden meningkat
- B Harga faktor pengeluaran meningkat
- C Jangkaan harga pada masa depan meningkat
- D Cukai eksais terhadap barang tempatan oleh kerajaan meningkat

7 Pasangan yang manakah betul?

	Perubahan dalam kuantiti ditawarkan	Perubahan Penawaran
A	Penentu ialah faktor harga barang lain	Penentu ialah harga barang itu sendiri
B	Melibatkan dua keluk penawaran	Melibatkan satu keluk penawaran sahaja
C	Apabila harga tetap, kuantiti ditawarkan berubah	Apabila harga berubah, kuantiti ditawarkan berubah
D	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran	Berlaku peralihan keluk penawaran ke kanan atau ke kiri


8 Jadual berikut menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (unit)	Kuantiti penawaran (unit)
5	140	120
10	130	130
15	120	140
20	110	160
25	100	180

Pilih pernyataan yang betul tentang jadual tersebut.

- A Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan sebanyak 80 unit pada tingkat harga RM25
- B Lebihan permintaan sebanyak 50 unit pada tingkat harga RM10
- C Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM15
- D Harga cenderung naik pada tingkat RM5

9 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Antara berikut, pernyataan yang manakah betul menerangkan rajah tersebut?

- I Perubahan permintaan D_0 ke D_1 menyebabkan penurunan kuantiti keseimbangan
- II Harga barang penggenap turun menyebabkan perubahan keluk D_0 ke D_1
- III Peralihan keluk D_0 ke D_1 menyebabkan wujudnya lebihan permintaan
- IV Keseimbangan baharu dicapai pada tingkat harga yang lebih rendah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
2	20
4	X

Berapakah nilai X jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 0.5?

- A 10
- B 20
- C 30
- D 60

- 11 Jadual berikut menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan dua jenis barang.

Barang X	Barang Y
1.4	0.3

Pernyataan yang manakah betul?

- A Contoh barang X adalah pakaian
- B Nilai pekali barang X adalah tak anjal
- C Barang Y sangat responsif terhadap perubahan harga
- D Meningkatkan harga barang Y untuk naikan jumlah hasil

- 12 Sesuatu barang cenderung menjadi keanjalan harga penawaran anjal jika

- A bilangan firma dalam pasaran banyak
- B penawaran dalam jangka masa pendek
- C tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
- D faktor pengeluaran sukar diperoleh dan ditambahkan

- 13 Perbualan berikut antara Pak Hassan dengan juruwang di kaunter sebuah pasaraya.

Pak Hassan : Berapa jumlah semua barang ni?

Juru wang : Jumlah semua RM550 pak cik.

Pak Hassan : Ok. Pak cik tidak cukup tunai sekarang ni. Boleh tak pak cik bayar menggunakan kad debit?

Juru wang : Boleh pak cik.

Apakah fungsi wang dalam perbualan tersebut?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat simpanan nilai
- C Alat bayaran tertunda
- D Alat perantaraan pertukaran

14 Bagaimanakah cara bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang?

- A Mentadbir akaun negara
- B Mengeluarkan mata wang
- C Menyediakan akaun penjelasan antara bank
- D Mengawal inflasi dengan menggunakan alat dasar kewangan

15 Pernyataan yang manakah betul tentang kelebihan pemegang akaun simpanan semasa?

- A Dikenakan caj perkhidmatan
- B Menerima faedah yang tinggi
- C Boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan
- D Dapat sijil simpanan yang boleh digunakan untuk mendapatkan pinjaman bank

16 “ Pada tahun 1990-an, kerajaan telah melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC)”.


Antara berikut, yang manakah kesan pelancaran tersebut kepada trend pekerjaan rakyat Malaysia?

- I Tumpuan kepada sektor pertanian dan perlombongan
 - II Pemilihan pekerjaan masyarakat tertumpu sektor perkilangan
 - III Ekonomi berasaskan pengetahuan mementingkan inovasi dan pengetahuan
 - IV Menambahkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17 Situasi yang manakah menunjukkan pendapatan tidak produktif ?

- A Encik Sabri menerima bayaran tuisyen daripada pelajarannya.
- B Puan Faridah menerima wang perbelanjaan bulanan daripada anaknya.
- C Puan Kartini menerima wang kerana menjaga anak-anak jiran di rumahnya..
- D Encik Shamsul menerima bayaran dividen setiap tahun kerana membuat simpanan di koperasi Koguru.

18 Rajah berikut berkaitan dengan penyediaan belanjawan peribadi.



Manakah yang sesuai tentang X ?

- A Mengelaskan perbelanjaan mengikut perbelanjaan tetap, harian dan luar jangka
- B Mengutamakan perbelanjaan yang diperlukan dahulu
- C Memastikan ada baki untuk tabungan
- D Menjumlahkan semua perbelanjaan

19 Antara berikut, yang manakah dapat meningkatkan pendapatan boleh guna?

- I Berlaku penurunan kadar pembayaran KWSP.
- II Kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan individu
- III Bayaran PERKESO dinaikkan daripada 4% kepada 5%
- IV Menambahkan bayaran zakat daripada RM200 kepada RM230 sebulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Pasangan yang manakah betul berkaitan dengan input pengeluaran?

	Input Berubah	Input Tetap
A	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah
B	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
C	Berubah secara langsung dengan perubahan output	Tidak berubah mengikut perubahan output
D	Contoh input ialah tapak perniagaan	Contoh input ialah Juruteknik Mesin

21 Jadual berikut menunjukkan jumlah kos pada pelbagai tingkat keluaran.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	210
2 000	360
4 000	480
6 000	770
8 000	900

Berapakah kos berubah pada keluaran 4 000 unit?

- A RM150
- B RM270
- C RM290
- D RM420

22 Maklumat berikut berkaitan dengan kos purata, jumlah keluaran dan harga seunit bagi Syarikat MajujayaKu Berhad.

• Kos purata	RM22
• Jumlah keluaran	1 200 unit
• Harga jualan seunit	RM35

Berapakah keuntungan bagi syarikat tersebut?

- A RM68 000
- B RM42 000
- C RM26 400
- D RM15 600

- 23** Antara berikut, yang manakah dapat meningkatkan tahap produktiviti di sektor perkilangan?
- I Penggunaan peralatan dan jentera lama
 - II Menggunakan buruh mahir yang cekap
 - III Membeli bahan mentah dengan banyak
 - IV Pengurusan sistematik dan dan cekap
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 24** Apakah kos sosial yang timbul akibat pembinaan pasaraya besar di kampung?
- A Memudahkan penduduk kampung mendapatkan barang keperluan.
 - B Penduduk kampung mendapat peluang pekerjaan.
 - C Berlaku kesesakan jalan raya di kampung.
 - D Pemilik pasaraya mendapat keuntungan.
- 25** Apakah objektif makroekonomi negara yang ingin dicapai oleh kerajaan?
- A KDNK menurun
 - B Imbangan pembayaran defisit
 - C Tingkat harga umum meningkat
 - D Pertumbuhan ekonomi yang pesat
- 26** Situasi yang manakah menyebabkan pengangguran kitaran ?
- A Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain
 - B Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
 - C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
 - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- 27** Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Tindakan kerajaan menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) iaitu kadar faedah pinjaman meningkat pada 11 Mei dan 6 Julai lalu adalah langkah mengawal inflasi ketika tempoh fasa peralihan ke endemik.

Sumber : BH ONLINE Ogos 20, 2022 @ 12:45pm

Pernyataan yang manakah menunjukkan kesan tindakan tersebut?

- A Kekurangan pendapatan
- B Harga barangan meningkat
- C Pengurangan jumlah pinjaman
- D Menambahkan perbelanjaan masyarakat

28 Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan?

- I Membina hospital
- II Memberi bantuan banjir
- III Membaik pulih jalan raya
- IV Membina jalan raya dan dewan orang ramai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar kewangan mengembang?

- A Dapat meningkatkan kuasa beli pengguna
- B Bertujuan mengurangkan permintaan agregat
- C Boleh dilakukan dengan menaikkan kadar cukai
- D Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara

30 Situasi yang manakah betul berkaitan dengan cukai regresif

- A Kadar cukai semakin meningkat apabila pendapatan bertambah seperti cukai pendapatan individu
- B Kadar cukai semakin menurun apabila pendapatan bertambah seperti cukai barang dan perkhidmatan (GST).
- C Kadar cukai semakin menurun apabila pendapatan tidak bertambah akibat berlaku inflasi.
- D Kadar cukai tetap walaupun pendapatan berubah seperti cukai pendapatan syarikat

31 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor penggalak globalisasi?

- I Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang maju
- II Infrastruktur pengangkutan yang baik
- III Perkhidmatan dan pelancongan
- IV Peranan kerajaan dan firma

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

32 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Korea Utara bertekad tidak akan berurusan dengan inisiatif 'berani' Korea Selatan yang menawarkan bantuan untuk meningkatkan ekonomi negara itu sebagai 'ganjaran' jika menghentikan inisiatif pembangunan senjata nuklear.

Sumber: BH Online, Ogos 19, 2022

Apakah bentuk sekatan tersebut?

- A Kawalan pertukaran asing terhadap pengimport
- B Penetapan had maksimum pengimportan sesuatu barang
- C Larangan perdagangan ke atas negara tertentu demi keselamatan
- D Halangan produk kerana tidak mematuhi standard sesebuah negara

33 Apakah kesan lebih dalam akaun semasa?

- A** Penurunan kadar pertukaran asing
- B** Peningkatan kadar pengangguran
- C** Peningkatan pendapatan negara
- D** Penurunan taraf hidup

34 Antara berikut, yang manakah akan menyebabkan nilai Ringgit Malaysia jatuh?

- I** Malaysia meningkatkan daging import dari Australia
 - II** Petronas Berhad menambahkan pelaburan di negara China
 - III** Malaysia menjadi destinasi yang semakin diminati pelancong asing
 - IV** Syarikat Perkapalan Malaysia (MISC) mendapat lebih banyak kontrak pengangkutan daripada firma asing
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** II dan IV

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

35 **I** Firma menghadapi masalah kekurangan pendapatan

II Firma terpaksa membuat pilihan untuk memaksimumkan kepuasan

36 **I** Keluk penawaran menunjukkan kuantiti ditawarkan pada setiap tingkat harga.

II Keluk penawaran mencerun ke atas dari kanan ke kiri.

37 **I** Risiko pelaburan ialah kemungkinan seseorang individu mengalami sesuatu ketidakpastian daripada pelaburan yang dilakukan.

II Tahap risiko pelaburan hartanah sangat tinggi.

- 38** **I** Faedah sosial merupakan eksternaliti negatif yang diterima oleh pihak ketiga.
- II** Contoh faedah sosial ialah kos rawatan penyakit asma yang berpunca dari pencemaran udara.
- 39** **I** Import barangan dicatat di bahagian kredit imbalan pembayaran.
- II** Import barangan Malaysia terdiri daripada barangan penggunaan dan barang modal.
- 40** **I** Kuota dapat menyumbang kepada pendapatan negara.
- II** Contoh kuota ialah kerajaan Malaysia mengehadkan barangan yang diimport.

KERTAS SOALAN TAMAT